

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT**  
**DEWAN RAKYAT KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dr. Ong Kian Ming** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kos dan manfaat pembinaan projek janakuasa hidro elektrik di pedalaman negeri Pahang dan Kelantan termasuk Empangan Telom, Empangan Tekai dan Empangan Nenggiri dan berikutan penentangan kuat daripada masyarakat Orang Asli tempatan, sama ada Kementerian akan mempertimbangkan semula rancangan pembangunan hidro elektrik tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa buah kawasan terutamanya di Pahang dan Kelantan yang mempunyai potensi untuk pembangunan loji jana kuasa hidro bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, termasuklah Empangan Telom, Empangan Tekai dan Empangan Nenggiri.

2. Pembangunan loji-loji jana kuasa hidro elektrik tersebut adalah bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat di Semenanjung khususnya di waktu puncak dan boleh berperanan sebagai *peaking plant*, dengan izin. Bekalan tenaga dari sumber hidro ini juga dijangka akan dapat membantu meningkatkan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam campuran bahan api (*fuel mix*) di Semenanjung yang pada masa ini banyak bergantung kepada sumber bahan api gas dan arang batu.

3. Pada masa ini, kajian terperinci terhadap cadangan pembinaan loji-loji jana kuasa elektrik tersebut sedang dilaksanakan bagi mengkaji impak sosial dan alam sekitar, sebelum sebarang pembangunan fizikal loji-loji ini dapat dimulakan. Kajian juga dilaksanakan untuk mengenal pasti kesesuaian projek-projek hidro elektrik tersebut untuk turut berfungsi sebagai komponen tebatan banjir bagi kawasan-kawasan hilir daripada empangan yang dibina.

4. Kerajaan sememangnya sedar akan tentangan yang dihadapi daripada masyarakat Orang Asli di kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan penglibatan wakil masyarakat Orang Asli dalam setiap proses membuat keputusan berkaitan pembangunan loji-loji tersebut. Berhubung kos pembangunan loji-loji jana kuasa hidro pula, ia masih belum dapat ditentukan memandangkan pembangunan loji-loji ini masih di peringkat kajian.

Sekian, terima kasih

\*\*\*\*\*